

SOALAN NO: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]**  
**TARIKH : 2 OGOS 2017**  
**SOALAN : 70**

**YB Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian menyedari bahawa klinik-klinik pergigian swasta lazimnya mengamalkan pengambilan doktor gigi sambilan ataupun 'Dental locum' tanpa sebarang kontrak bertulis formal yang menjadikan mereka terdedah kepada eksploitasi dan apakah telah dilakukan untuk membendung isu ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pengamalan lokum bagi pegawai perubatan dan pegawai pergigian telah dibenarkan melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. **2/2010** - Garis Panduan Pelaksanaan Melakukan Pekerjaan Luar (Lokum) Di Sektor Swasta Oleh Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Surat Pekeliling ini perlu dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bil. 5 Tahun 2006 - Tatacara Pelaksanaan Pegawai Perubatan Dan Pergigian Berdaftar Melakukan Pekerjaan Luar (Lokum).

Dengan penguatkuasaan pekeling-pekeling tersebut, pegawai perubatan dan pegawai pergigian yang bertugas di fasiliti kerajaan dibenarkan

menjalankan lokum, setelah mendapat kelulusan Ketua Jabatan masing-masing.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memantau pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan lokum supaya kebergunaan pegawai sebagai penjawat awam tidak terjejas.

Mengikut Akta Pergigian 1971, setiap pengamal pergigian perlu mempunyai perakuan pengamalan tahunan (APC) untuk mengamal di setiap fasiliti pergigian. Sehubungan itu, pemilik klinik pergigian swasta perlu memastikan pengamal pergigian yang mengamal di klinik pergigian beliau mempunyai APC yang sah.

Walau bagaimanapun, sebarang kontrak atau perjanjian pelaksanaan lokum ini adalah terpulang kepada pihak penggaji dan pegawai berkaitan.